

# PM minta semua pihak hormati proses

BERITA HARIAN

12 JUL 2025

m/s: 3

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, semua pihak perlu menghormati Perlembagaan Persekutuan dalam proses pelantikan kehakiman serta bidang kuasa yang ditetapkan.

Mengulas penganjuran perhimpunan berkaitan isu kehakiman yang dijadualkan Isnin ini, Perdana Menteri berkata, ia adalah keputusan kumpulan terabit, namun proses pelantikan kehakiman yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dihormati.

“Itu keputusan dia (penganjur), tetapi kita sudah jelaskan, Peguam Negara (Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar) sudah jelaskan, (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said jelaskan, malah Yang di-Pertuan Agong pun sudah jelaskan.

“Jadi kita ikutlah proses dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang ada,” katanya selepas menunaikan solat Jumaat di sini, semalam.

Majlis Peguam sebelum ini dilaporkan akan mengadakan perarakan aman pada 14 Julai dari Istana Kehakiman ke Pejabat Perdana Menteri bagi menyerahkan memorandum penting menuntut tindakan segera bagi mempertahankan kebebasan institusi kehakiman negara.

Presiden Majlis Peguam, Mohamad Ezri Abdul Wahab, dilaporkan berkata perarakan itu



Anwar ditemui media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Ar-Rahim Presint 15, Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

adalah manifestasi kebimbangan semakin serius terhadap kekosongan jawatan utama kehakiman, kelewatan pelantikan serta dakwaan gangguan dalam urusan.

Istana Negara dalam kenyataan kelmarin mengingatkan isu pelantikan hakim mahkamah atasan di negara ini perlu ditangani dengan cermat dan secara sah supaya perjalanan kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong tidak dipolitikkan.

Mengulas lanjut, Anwar ber-

kata, jika ada pihak berhasrat mengubah mekanisme pelantikan kehakiman, ia perlu dibuat melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan.

“Kalau (ada pihak) rasa nak pinda, cadangkan pindaan Perlembagaan. Tapi bidang ini kita ikut proses yang diamalkan selama ini,” katanya.

Apa pun, katanya, sepanjang lebih dua tahun menerajui pentadbiran, beliau tidak pernah mencampuri urusan kehakiman.

“Seperti mana saya sebut, saya lebih dua tahun setengah (menjadi Perdana Menteri) tidak pernah campur urusan keputusan mahkamah, itu yang saya ingat.

“Penting soal proses pelantikan (patuh) seperti mana diperuntukkan dalam Perlembagaan dan juga bidang kuasa masing-masing,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa bersama 500 jemaah menunaikan solat Jumaat di Surau Ar-Rahim Presint 15 di sini.